Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Bank

141 Ahli-ahli Lembaga Pengarah
143 Jawatankuasa Pengurusan
145 Jawatankuasa Dasar Monetari
147 Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan
149 Majlis Penasihat Shariah
151 Jawatankuasa Kestabilan Kewangan

Ahli-ahli Lembaga Pengarah



Muhammad bin Ibrahim

Gabenor dan Pengerusi



Dr. Sukudhew Singh

Timbalan Gabenor



Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour

Timbalan Gabenor



Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan



Dato' N. Sadasivan a/l N.N. Pillay

Pengerusi Jawatankuasa Risiko Lembaga

Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga



Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob

Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga

Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga



Datuk Chin Kwai Yoong

Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga

Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga



Tan Sri Datuk Dr. Yusof bin Basiran

Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga



Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob

Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga



Dato Sri Lim Haw Kuang

Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga



Dato' Lee Yeow Chor

Ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga

Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Dr. Zeti Akhtar Aziz** yang tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Gabenor pada bulan April 2016 dan **Nor Shamsiah binti Mohd Yunus** yang tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Timbalan Gabenor pada bulan November 2016.

Jawatankuasa Pengurusan



Ahli-ahli dari kiri ke kanan

Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Penolong Gabenor

Norzila binti Abdul Aziz
Penolong Gabenor

Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor

Dr. Sukudhew Singh
Timbalan Gabenor

Muhammad bin Ibrahim
Gabenor

Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour
Timbalan Gabenor

Donald Joshua Jaganathan
Penolong Gabenor

Jessica Chew Cheng Lian
Penolong Gabenor

Mohd. Adhari bin Belal Din
Penolong Gabenor

Jawatankuasa Dasar Monetari



Dasar monetari dirumuskan secara bebas oleh Jawatankuasa Dasar Monetari berasaskan rangka kerja tadbir urus yang mantap

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dengan mengambil kira perkembangan dalam ekonomi. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia diberi tanggungjawab untuk merumuskan dasar monetari dan dasar bagi mengendalikan operasi dasar monetari[1]. Dalam hal ini, MPC menetapkan kadar faedah dasar iaitu Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) untuk mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan hala tuju dasar monetari berasaskan penilaian terhadap imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan dan inflasi domestik. MPC juga memantau risiko ketidakseimbangan kewangan berdasarkan implikasinya terhadap prospek ekonomi. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) diterbitkan bagi memberikan penjelasan mengenai keputusan yang telah dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan Gabenor, dan antara tiga hingga tujuh orang ahli lain, termasuk ahli dari luar Bank yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas syor Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga Bank. Pada masa ini, MPC mempunyai lapan orang ahli, dua daripadanya adalah ahli dari luar Bank. Keahlian MPC bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman yang kritikal dalam membuat keputusan yang mantap mengenai dasar monetari.

Ahli-ahli dari kiri ke kanan

Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor

Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali
Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Sukudhew Singh
Timbalan Gabenor

Muhammad bin Ibrahim
Gabenor dan Pengerusi

Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour
Timbalan Gabenor

Prof. Dr. Yeah Kim Leng
Profesor Ekonomi, Sunway University Business School, Sunway University

Norzila binti Abdul Aziz
Penolong Gabenor

Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Penolong Gabenor

[1] Untuk keterangan terperinci tentang evolusi MPC, dan tadbir urus serta prosesnya, sila rujuk rencana 'Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya' dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015.

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan



Muhammad bin Ibrahim

Gabenor dan Pengerusi



Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour

Timbalan Gabenor



Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah

Ketua Setiausaha Perbendaharaan



Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh

Pengerusi, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Jean Pierre Sabourin

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia



Datuk Johan bin Idris

Pakar Luar



Yoong Sin Min

Pakar Luar

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) telah ditubuhkan pada tahun 2010 menurut Seksyen 37 CBA 2009. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk membantu Bank melaksanakan mandat berkanunnya bagi memelihara kestabilan kewangan melalui keputusan yang dibuat terhadap langkah-langkah dasar tertentu yang dicadangkan oleh Bank. Langkah-langkah ini dirumuskan bagi menghindari atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan. Langkah-langkah tersebut adalah:

- Mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk mengambil langkah-langkah tertentu;
- Memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh Bank, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- Memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju.

Jawatankuasa Eksekutif berperanan untuk memperkukuh rangka kerja akauntabiliti bagi pelaksanaan kuasa kestabilan kewangan yang luas yang diberikan kepada Bank di bawah CBA 2009. Jawatankuasa ini bertindak untuk memastikan langkah-langkah yang dicadangkan dalam bidang kuasanya adalah wajar, mantap dan menyeluruh untuk menangani risiko sistemik yang dikenal pasti. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh diadakan pada bila-bila masa jika difikirkan perlu demi kepentingan kestabilan kewangan. Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dengan majoriti daripada mereka mestilah ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan Bank. Ahli-ahli jawatankuasa tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan memelihara integriti dalam membuat keputusan dan mempertingkat keyakinan orang ramai terhadap objektiviti, kebebasan dan standard amalan yang tinggi Jawatankuasa Eksekutif.

Dalam usaha membendung pertumbuhan keberhutangan isi rumah yang berlebihan, Jawatankuasa Eksekutif pada tahun 2013 telah mempertimbangkan dan meluluskan keperluan bagi penyedia kredit isi rumah utama yang tidak dikawal selia oleh Bank untuk memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Hasilnya, pertumbuhan pinjaman isi rumah daripada penyedia kredit bukan bank menjadi sederhana ke tahap yang lebih mampan, disokong oleh penambahbaikan dalam amalan pengunderaitan institusi tersebut.

Majlis Penasihat Shariah



Majlis Penasihat Shariah

Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Shariah tertinggi dalam perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Berdasarkan peruntukan CBA 2009, peranan dan fungsi MPS telah diperkukuh lagi sebagai badan berautoriti dalam menentukan hukum Syarak bagi aktiviti kewangan Islam yang dikawal selia oleh Bank.

MPS memegang peranan penting untuk memastikan ketekalan keputusan Shariah yang diterima pakai dalam industri perbankan Islam dan takaful. Keputusan Shariah yang dibuat oleh MPS merupakan sumber rujukan utama institusi kewangan Islam bagi memastikan pematuhan Shariah menyeluruh dalam struktur dan pelaksanaan produk dan perkhidmatan kewangan mereka. Di samping itu, CBA 2009 memperuntukkan bahawa apa-apa kemusykilan berkenaan hal ehwal Shariah di mahkamah atau prosiding timbang tara hendaklah dirujuk kepada MPS, dan keputusan MPS adalah mengikat.

MPS menyediakan asas Shariah untuk pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Shariah yang komprehensif untuk perbankan Islam dan takaful di Malaysia. Dalam hal ini, MPS menggariskan ciri-ciri penting kontrak dengan mengambil kira pelbagai pandangan Shariah, dapatan penyelidikan, serta adat kebiasaan dan amalan pasaran. Melangkah ke hadapan, ahli-ahli MPS, secara individu dan secara kolektif, akan memperluas lingkungan pengaruhnya untuk menyokong lebih banyak inovasi produk dan menggalakkan pengharmonian tafsiran Shariah di peringkat tempatan dan global.

Pelantikan ahli-ahli MPS dibuat setelah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri Kewangan selepas mendapat maklum balas Bank. Pada masa ini, MPS mempunyai sepuluh (10) orang ahli yang terdiri daripada pakar Shariah dan undang-undang terkemuka.

Ahli-ahli dari kiri ke kanan

Burhanuddin bin Lukman
Penyelidik, Akademi Penyelidikan Shariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA)

Prof. Madya Dr. Asmadi bin Mohamed Naim
Profesor Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
Penasihat Undang-undang Shariah, Jabatan Peguam Negara

Dato' A. Aziz bin A. Rahim
Mantan Hakim, Mahkamah Rayuan Malaysia

Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim (Timbalan Pengerusi)
Ketua Pegawai Eksekutif, ISRA Consultancy

Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar (Pengerusi)
Pengasas dan Pengerusi Eksekutif, Amanie Group

Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan

Prof. Dr. Mohamad Akram bin Laldin
Pengarah Eksekutif, ISRA

Dr. Shamsiah binti Mohamad
Penyelidik Kanan, ISRA

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali
Profesor, Institut Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM Institute of Islamic Banking and Finance, IIiBF)

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan



Muhammad bin Ibrahim
Gabenor dan Pengerusi



Dr. Sukudhew Singh
Timbalan Gabenor



Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour
Timbalan Gabenor



Jessica Chew Cheng Lian
Penolong Gabenor



Donald Joshua Jaganathan
Penolong Gabenor



Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Penolong Gabenor

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee, FSC) merupakan forum peringkat tinggi di Bank yang bertanggungjawab membincangkan risiko kepada kestabilan kewangan negara yang timbul daripada perkembangan seluruh sistem dan institusi (seperti yang ditakrifkan mengikut Seksyen 29 CBA 2009). Apabila keadaan memerlukan, FSC akan membuat keputusan mengenai tindak balas dasar untuk menghindarkan atau mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan negara. FSC bermesyuarat untuk:

- Membincangkan dan membuat keputusan mengenai tindak balas yang sesuai terhadap risiko sistemik;
- Membincangkan dan membuat keputusan yang berkaitan dengan pengawasan dan tindakan secara mikro yang perlu diambil. Ini termasuk langkah-langkah penyelesaian untuk menangani risiko kepada kestabilan kewangan, serta keputusan mengenai institusi di bawah pengawalseliaan Bank yang tidak berdaya maju;
- Mengemukakan saranan kepada Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan berkenaan langkah penyelesaian yang sesuai bagi institusi yang bermasalah, mengikut Seksyen 38 CBA 2009; dan
- Memantau pelaksanaan tindak balas dasar yang diluluskan dan tindakan lain seperti yang diarahkan oleh FSC dan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan.

FSC dipengerusikan oleh Gabenor dan keahliannya terdiri daripada semua Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor yang bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan, pengawasan, operasi perbendaharaan dan sistem pembayaran. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai kanan Bank yang terpilih.

Sejak tahun 2010, FSC telah membincangkan beberapa dasar kehematan makro (contohnya had maksimum nisbah pinjaman kepada nilai dan langkah-langkah pembiayaan yang bertanggungjawab) untuk menangani isu-isu seperti hutang isi rumah yang tinggi dan kegiatan spekulasi dalam pasaran harta tanah. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut seiring dengan tindak balas dasar yang lain telah menyumbang kepada pertumbuhan hutang isi rumah dan harga harta tanah kediaman yang lebih sederhana.